

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 9 OGOS 2017 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Makmal Inovasi MAB	Kosmo
2.	Ruang kerja berteknologi tinggi kakitangan MAB	Kosmo
3.	Sacofa: Pelepasan EMF menara telco tidak berbahaya	BERNAMA
4.	The art of science diplomacy	New Straits Times

KERATAN AKHBAR
KOSMO (INFINITI) : MUKA SURAT 29
TARIKH : 9 OGOS 2017 (RABU)



KERATAN AKHBAR
KOSMO (INFINITI) : MUKA SURAT 30
TARIKH : 9 OGOS 2017 (RABU)



iSpace Innovation Lab
dibangunkan sebagai
perubahan kepada
strategi syarikat untuk
menaik taraf sistem
sedia ada.

RUANG
permainan
foosball.



Ruang kerja berteknologi tinggi kakitangan MAB

Lokasi yang dahulunya berfungsi sebagai kawasan operasi telah diberikan beberapa sentuhan baharu seperti sudut membaca, permainan, rekreasi dan ruang istirehat serta bilik mesyuarat.



ABDUL RAHMAN

RUANG pejabat yang dipenuhi meja, komputer dan kertas-kertas kerja jelas kelihatan sebaik melangkah masuk ke ruang terminal Bangunan Pengurusan Penerbangan Antarabangsa Kuala Lumpur.

Kedua itu tidak ubah seperti pejabat-pejabat lain yang menjadi satu ruang tipikal bagi kebanyakan pekerja mereka.

Namun, andaian itu berubah sama sekali sebaik memasuki ruang hadapan bangunan tersebut. Satu kawasan yang lebih moden dengan pelbagai kelengkapan berteknologi terkini memenuhi ruangan itu.

Di bahagian hadapan pula diletakkan Solution Cafe yang berfungsi sebagai meja bantuan.

Menurut Pengurus Besar Bahagian Strategi Teknologi Maklumat dan Tabir Urus Malaysia Airlines Berhad (MAB), Abdul Rahman Mohamed, ruang itu merupakan sebuah makmal inovasi yang pertama bagi kegunaan kakitangan MAB.

"Dikenali dengan nama iSpace Innovation Lab, ruang ini dibangunkan sebagai perubahan kepada strategi syarikat untuk menaik taraf sistem sedia ada kepada satu sistem yang lebih canggih sama seperti syarikat-syarikat lain.

"Dengan idea yang lebih baik,

BEBERAPA buah
basikal senaman
turut disediakan.



RUANG istirehat ini membolehkan pekerja
bersantai mengikut keselesaan masing-masing.



iSPACE Innovation Lab membolehkan
kakitangan MAB menggunakan inovasi
dan teknologi.

kawasan yang dahulunya berfungsi sebagai kawasan operasi ini mendapat beberapa sentuhan baharu seperti sudut membaca, permainan, rekreasi dan ruang istirehat serta bilik mesyuarat," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui *Kosmo!* selepas Majlis Perasmian iSpace Innovation Lab di Bangunan Pengurusan Penerbangan Antarabangsa Kuala Lumpur, Sepang, Selangor baru-baru ini.

Bangunan itu dihubungkan melalui terowong pejalan kaki dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

iSpace Innovation Lab telah dirasmikan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau.

Tambah Abdul Rahman, ruang-ruang itu boleh digunakan sepenuhnya oleh kakitangan MAB pada bila-bila masa. Antara ruang yang menjadi perhatian adalah ruang rekreasi yang dilengkapi dengan permainan foosball.

Transformasi digital

Selain itu, ruang istirehat membolehkan pekerja bersantai mengikut keselesaan masing-masing. Tidak ketinggalan beberapa buah basikal senaman bagi pekerja yang ingin menghilangkan rasa mengantuk atau memperoleh tenaga.

"Makmal ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan MAB ke arah transformasi digital untuk meningkatkan pengalaman pelanggan, syarikat penerbangan dan kecekapan operasi secara keseluruhannya.

"Makmal ini juga akan menjadi platform untuk menggabungkan pelbagai aspek pengalaman digital bersama beberapa rakan kerjasama," terangnya.

Selain kakitangan MAB, syarikat



KERATAN AKHBAR KOSMO (INFINITI) : MUKA SURAT 31 TARIKH : 9 OGOS 2017 (RABU)

itu turut mengalu-alukan organisasi yang ingin menjalankan kajian tentang inovasi baharu di iSpace Innovation Lab.

Dengan kemudahan seluas 8,300 kaki persegi (771 meter persegi) dan kapasiti untuk menempatkan 100 orang, iSpace Innovation Lab diharap dapat mewujudkan ruang kerja yang lebih ringkas dan moden.

Abdul Rahman turut menjelaskan, bagi pelan jangka panjang projek iSpace Innovation Lab, mereka ingin memindahkan semua kaedah kerja yang melibatkan inovasi dan teknologi secara alam maya.

Sementara itu, **Ketua Pegawai Eksekutif MAB, Peter Bellew** pula berkata, iSpace Innovation Lab merupakan aset penting bagi syarikat dan pemangkin dalam memupuk ekosistem inovatif terutamanya untuk bakat sedia ada demi masa depan syarikat.

"Dengan persekitaran kerja yang ringkas dan moden, saya yakin kami mampu menarik serta memupuk banyak bakat dalam serta luaran melalui inovasi," tuturnya.

"Pada masa ini, saya gembira untuk berkongsi bahawa 70 peratus daripada keseluruhan transformasi teknologi maklumat yang kami rancang hampir selesai. Transformasi ini bermula pada Mac 2016 dan dijangka siap menjelang Jun 2018.



MAKMAL inovasi ini berkeluasan 771 meter persegi.



WILFRED MADIUS (barisan kedua, lima dari kiri) bergambar pada Majlis Perasmian iSpace Innovation Lab di Bangunan Pengurusan Penerbangan Antarabangsa Kuala Lumpur, Sepang, Selangor baru-baru ini.

Tambah Bellew, kejayaan pelaksanaan teknologi maklumat adalah kunci kejayaan MAB terutamanya dalam meningkatkan pengalaman pelanggan terhadap syarikat penerbangan dan kecekapan operasi secara keseluruhan.



BELLEW

"Ia meliputi tiga fasa utama, pertamanya pendigitan aset dan proses yang menyaksikan penghijrahan Pusat Data syarikat penerbangan ke platform awanan bagi suku pertama 2016.

"Kedua, menggantikan dan membina penyelesaian serta keupayaan perniagaan baharu untuk membolehkan pendigitan semua produk dan proses perniagaan teras.

"Ketiga, menyediakan pengalaman yang lebih memberangsangkan dan tangkas kepada pelancong. Bermula

daripada tempahan tiket, kemudian pembelian bagasi, makanan, menguruskan mata kesetiaan dan tawaran untuk memenuhi keperluan individu mereka," ujarnya.

Fasa terakhir pula akan mewujudkan platform bagi inovasi dan pembezaan yang berterusan untuk membentuk sebuah syarikat penerbangan digital baharu. Ia termasuk penambahbaikan terhadap aplikasi MAB bagi memudahkan lagi pelanggan dan pengguna serta beberapa aplikasi baharu.

Bernilai tinggi

Dalam pada itu, Wilfred Madius pula memaklumkan, Malaysia semakin ke arah negara bernilai tinggi.

Katanya, melalui penyelesaian yang inovatif, mana-mana syarikat boleh meningkatkan kecekapan dan produktiviti keseluruhan. Malah, pada masa yang sama dapat mewujudkan perbezaan dalam produk dan perkhidmatan yang

ditawarkan.

Perkara itu penting bagi menyokong transformasi keseluruhan sistem pengeluaran, pengurusan, dan tadbir urus bagi sesebuah organisasi.

"Menjelang tahun 2020, kami menjangkakan ketibaan sekitar 36 juta pelancong ke Malaysia dan terdapat permintaan yang semakin tinggi bagi syarikat penerbangan untuk menyediakan produk serta perkhidmatan yang inovatif kepada pelanggan.

"Dengan penawaran produk yang betul, diperkayakan dengan digitalisasi, saya yakin bahawa MAB akan dapat memudahkan tuitutan pelanggan yang semakin mahir dengan teknologi," katanya.

Tambah beliau, perkembangan pengetahuan asas dalam inovasi dan teknologi, kedua-dua elemen itu akan terus menjadi agenda dalam pembangunan negara.

INFO iSpace Innovation Lab

- Terletak di Bangunan Pengurusan Penerbangan Antarabangsa Kuala Lumpur, Sepang, Selangor
- Berkeluasan 8,300 kaki persegi (771 meter persegi)
- Boleh menampung sehingga 100 orang dalam satu-satu masa
- Kawasan itu dahulunya berfungsi sebagai kawasan operasi
- Mempunyai sudut membaca, permainan, rekreasi, ruang istirehat serta bilik mesyuarat



Sacofa: Pelepasan EMF Menara Telco Tidak Berbahaya

KUCHING, 8 Ogos (Bernama) -- Beberapa ujian yang dilakukan Agensi Nuklear Malaysia sejak November tahun lepas terus membuktikan bahawa menara telco tidak memberi ancaman terhadap kesihatan dan keselamatan orang ramai, kata Sacofa Sdn Bhd.

Dalam kenyataan hari ini, syarikat infrastruktur ICT yang diamanahkan tugas memenuhi sasaran liputan telekomunikasi dan jalur lebar di Sarawak itu berkata ujian berkenaan, yang dilakukan di 11 tapak di bandar dan luar bandar, mendapati pelepasan Frekuensi Radio (RF) atau Medan Elektromagnet (EMF) di kawasan berhampiran tapak menara telco berbeza pada kadar 0.01 peratus hingga 0.26 peratus daripada paras had pendedahan maksimum dibenarkan yang ditetapkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC).

Menurut kenyataan itu, maklumat berkenaan dikongsi dengan orang ramai pada sesi libat sama di Auditorium MBKS, Jalan Padungan di sini sebagai sebahagian daripada usaha berterusan Sacofa untuk menangani trend salah tanggapan orang ramai yang semakin berkembang mengenai menara telco dan industri itu.

"Fokus utama sesi itu ialah terhadap keselamatan orang ramai berkaitan RF dan EMF serta untuk menghebahkan tentang ujian terbaru yang dijalankan di seluruh Sarawak, yang membuktikan lagi bahawa menara telco tidak memberi sebarang ancaman kepada kesihatan dan keselamatan orang ramai melalui pelepasan yang didakwa berbahaya dan bahawa paras pelepasan itu mematuhi semua peraturan dan standard pelepasan negeri, kebangsaan dan antarabangsa," katanya.

"Selain mengenai dapatan ujian itu, para penceramah juga menyentuh tentang beberapa isu besar yang berlegar di sekitar pelepasan menara telco, termasuk tinjauan tentang teknologi tanpa wayar; telekomunikasi mudah alih dan bagaimana antenna dan perambatan (penghantaran) berfungsi; pendedahan terhadap manusia, kesan biologi, radiasi non-ionizing dan kebimbangan mengenai kesihatan orang ramai; dan apa yang sedang dilakukan pihak berkuasa berkenaan berkaitan ujian, peraturan dan pematuhan bagi melindungi orang ramai," kata kenyataan itu.

Menurutnya, pengarah urusan Sacofa Zaid Zaini berkata salah tanggapan itu berpunca daripada pelbagai pihak ? daripada media hinggalah kepada NGO, sebahagian daripada orang ramai dan malah pegawai sendiri.

Beliau dipetik sebagai berkata bahawa ceramah itu memberi peluang baik kepada pakar untuk menghidangkan fakta secara jelas, yang disokong bukti ketara bagi memastikan kebimbangan orang ramai dapat diatasi, manakala salah tanggapan, yang kadangkala terdetus daripada niat yang boleh dipersoalkan, dapat ditangani secara bersemuka melalui penyelidikan dan ujian.

Zaid berkata menara telco melepaskan radiasi RF, yang dianggap bersifat non-ionizing dan berlaku dengan frekuensi amat rendah, tidak berbahaya kepada manusia pada paras minimumnya, sepanjang yang melibatkan menara Sacofa, iaitu sama seperti pelepasan tidak berbahaya oleh radio, lampu dan televisyen.

"Sacofa bangga kerana ia bukan sahaja mematuhi standard industri, malah jauh melebihi, memberi keutamaan tertinggi terhadap keselamatan orang ramai dan harta di kawasan kami beroperasi.

"Untuk memastikan perkara ini, kami mengamalkan peraturan dan standard persijilan paling ketat - British Standard Code of Practices. Semua menara SACOFA mematuhi secara ketat tanda aras kualiti dan keselamatan yang diiktiraf di seluruh dunia ini," katanya.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (HIGHER ED) : MUKA SURAT 8
TARIKH : 9 OGOS 2017 (RABU)

PARTNERSHIPS

The art of science diplomacy

ROZANA SANI
rsani@nst.com.my

SCIENCE diplomacy is basically the use of scientific collaboration among nations to address common problems and to build constructive international partnership. It transcends borders, politics, culture and religion where the universality of science is accepted by all.

One such example of science diplomacy is the Newton Fund from United Kingdom comprising matching grants given out to 18 countries around the world to promote the economic development and social welfare of either the partner countries or, through working with the partner country, to address the well-being of communities.

The fund was launched in 2014 and originally consisted of £75 million (RM422 million) each year for five years. In the 2015 UK Spending Review it was agreed to extend and expand the fund. The Newton Fund was extended from 2019 to 2021 and expanded by doubling the £75 million investment to £150 million (RM843 million) by 2021, leading to a £735 million (RM4.13 billion) in UK investment to 2021, with partner countries providing matched resources within the Fund.

Malaysia is one of the most active of the 18 Newton Fund countries, with one of the highest averages in respect of the quality of their applications. Via the Newton-Ungku Omar Fund, 18 British and Malaysian funding organisations are working together to offer funding opportunities for researchers. A total of 28 activities have been established and about 100 funding grants awarded since the fund's inception in 2014.

New programmes rolling out this year include collaborations to improve understanding of the impacts of hydrometeorological hazards led by the Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT), Ministry of Higher Education Malaysia (MoHE) and Natural Environment Research Council UK; and programmes for delivering transferable skills in Science, Technology, Engineering and Maths (STEM), focusing on transformative and high-quality collaborative projects to raise skill levels in Malaysia involving Science and Technology Facilities Council UK and MoHE.

British High Commissioner to Malaysia Vicki Treadell said UK's motivation is not just about "how it helps our country, actually it is about our sense of global responsibility as a global citizen, a global nation."

"It is not just the government-to-government political relationship, it is about the broad spectrum of our relationship. So how do we connect with a country on science and everything that flows from that: healthcare, education, knowledge, skills, on defence engagement. We collaborate here with Wisma Putra, on a big global general issue on what we do at United Nations together. That way, it is not about what we can sell to Malaysia, or what Malaysia can invest to UK," she said.

"Nowadays, disease does not recognise borders, extreme climate condition does not recognise borders, these are things that have a global effect. So by working together and finding solutions, it is not just for Malaysia or Britain, it is actually solutions that can help other countries, too. Cancer research,



National Disaster Management Agency director Datuk Abd Rashid Harun (left) exchanging MoU documents with Meteorological Science director Simon Vosper while Vicki Treadell (right) and Minister at the Prime Minister Department Datuk Seri Nancy Shukri looks on.

Nowadays, disease does not recognise borders, extreme climate condition does not recognise borders, these are things that have a global effect.

VICKI TREADELL
British High Commissioner to Malaysia

for example, is not specific to a given race or geography; there might be some cancers that are more prevalent in some regions. But they still manifest themselves in a range of countries around the world," Treadell continued.

Professor Emeritus Tan Sri Zakri Abdul Hamid, Malaysia's Science Advisor to the Prime Minister, said the country is seeking a role in science diplomacy.

"Many of the challenges we face today are international — whether it's tackling climate change, or fighting disease, poverty reduction or tackling food security. That's why it is important that we create a new role for science in international policy making and diplomacy to play science at the heart of the programme on the international agenda," he said.

Treadell and Zakri were participating in a panel discussion entitled "Energising International Collaborations in Science, Technology and Innovation" chaired by Academy of Sciences Malaysia president Professor Datuk Dr Asma Ismail.

Earlier on, the Weather and Climate Science for Service Partnership (WCSSP) was launched — a landmark collaboration between the UK Met Office and National Disaster Management Agency (NADMA) Malaysia, Malaysian Meteorological Department (Met-Malaysia), National Hydraulic Research Institute of Malaysia (NAHRIM), and Department of Irrigation and Drainage (DID) Malaysia.

This project aims to harness Malaysian and British scientific expertise to improve forecasts for severe weather in Malaysia and the region, to save lives and protect livelihoods.

Professor Simon Vosper of the UK Met of-

fice said the impact severe weather has in the Southeast Asia region in particular is really important.

"The weather phenomenon — severe thunderstorm, flash flooding, wind damage, landslides and storms — these occur broadly across Asia and this is why working with Malaysia is extremely important to us. Looking at Southeast Asia as a whole is a way to tackle this problem — to find the kind of advice needed, to inform on economic policy — via the understanding of severe weather and how it works."

"We have achieved great successes recently developing UK capability in the MET Office, where we implemented high resolution models which can capture the fine scale detail of weather system such as thunderstorm or cyclones. So this model was being used by the UK and internationally within partnerships to understand particular risks under a changing climate," said Vosper.

He highlighted the complex weather in Southeast Asia makes it a challenge and this is why it is important for UK Met Office to work in partnership with hydrometeorological services and the universities in this region.

Asma, who is also the vice-chancellor of Universiti Sains Malaysia, ended the session by saying that collaboration is the way forward for Malaysia.

"With the collaboration that we now have with reputable universities and organisations in the UK, we can provide solutions and perhaps do something that can create sustainable change. It's important for diplomats to understand this and for academy sciences to put forward our idea and discuss our plans for the future," she said.



Zakri Abdul Hamid



Asma Ismail